

	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)		
Nama Pekeliling:	PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023		
		No. Rujukan:	UniSHAMS-PPA-PA-01-2023
		No. Pekeliling:	1/2023
Kelulusan:	Mesyuarat Senat Kali Ke-113 (Bil. 04/2023) Mesyuarat Senat Kali Ke-114 (Bil. 05/2023) Mesyuarat Senat Kali Ke-115 (Bil. 06/2023) Resolusi Senat Bertarikh 04 September 2023	Tarikh Kuatkuasa:	Sesi 2022/2023 Semester Dua (19 Februari 2023)
Tarikh kelulusan:	17 Mei 2023	Bil. M/surat:	10/10 termasuk muka hadapan
Pekeliling/ peraturan terdahulu yang berkaitan:	Peraturan 6.6.1, Peraturan 6.6.3, Peraturan 6.6.5 dan Peraturan 6.9.2, Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018		
Tarikh edaran:	25/10/2023		
Mod Edaran:	1. Muatnaik melalui Portal pelajar dan ICMS 2. E-mel pelajar dan staf		

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023

MAKLUMAN PINDAAN PERATURAN BERKAITAN PENILAIAN PRESTASI PELAJAR DI BAWAH PERATURAN 6.6.1, PERATURAN 6.6.3, PERATURAN 6.6.5 DAN PERATURAN 6.9.2 BUKU PERATURAN AKADEMIK PRASISWAZAH SARJANA MUDA DAN DIPLOMA EDISI PERTAMA 2018

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan Pindaan Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 pada peraturan-peraturan yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Penilaian Prestasi Pelajar.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan berkenaan Penilaian Prestasi Pelajar telah diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 yang merangkumi Peraturan 6.3, Peraturan 6.6.1, Peraturan 6.6.3, Peraturan 6.6.4, Peraturan 6.6.5 dan Peraturan 6.9.2 yang terdapat di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018.
- 2.2 Mesyuarat Senat Kali Ke-113 (Bil. 04/2023) yang bersidang pada 17 Mei 2023 telah bersetuju meluluskan pindaan berkaitan Penilaian Prestasi Pelajar yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 dengan membuat pindaan pada Peraturan 6.6.1, Peraturan 6.6.3, Peraturan 6.6.5 dan Peraturan 6.9.2 yang terdapat di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018.
- 2.3 Mesyuarat Senat Kali Ke-114 (Bil. 05/2023) yang bersidang pada 17 Julai 2023 telah bersetuju meluluskan pindaan berkaitan Penilaian Prestasi Pelajar yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 dengan membuat pindaan pada Peraturan 6.3, Peraturan 6.6.4 dan Peraturan 6.6.5 yang terdapat di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018.
- 2.4 Mesyuarat Senat Kali Ke-115 (Bil. 06/2023) yang bersidang pada 15 Ogos 2023 telah bersetuju meluluskan semua pindaan berkaitan Penilaian Prestasi Pelajar yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 yang diluluskan sebelum ini dan pindaan singkatan GHB (Gagal Hadir Penilaian Berterusan) kepada GPB (Gagal Penilaian Berterusan) dengan membuat pindaan pada Peraturan 6.3, Peraturan 6.6.1, Peraturan 6.6.3, Peraturan 6.6.4, Peraturan 6.6.5 dan Peraturan 6.9.2 yang terdapat di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018.

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023

- 2.5 Resolusi Senat bertarikh 04 September 2023 secara edaran telah diedarkan oleh Sekretariat Senat untuk persetujuan ahli mesyuarat serta disahkan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-116 (Bil. 07/2023) yang bersidang pada 27 September 2023 telah bersetuju meluluskan pindaan berkaitan Penilaian Prestasi Pelajar yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 dengan membuat pindaan pada Peraturan 6.6.1 berkaitan klasifikasi Mata Gred dan Kredit Dikira.

3. PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK PRASISWAZAH SARJANA MUDA DAN DIPLOMA EDISI PERTAMA 2018

- 3.1 Peraturan 6.3, Peraturan 6.6.1, Peraturan 6.6.3, Peraturan 6.6.4, Peraturan 6.6.5 dan Peraturan 6.9.2 yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 **telah dipinda** oleh Mesyuarat Senat Kali Ke-113 (Bil. 04/2023), Mesyuarat Senat Kali Ke-114 (Bil. 05/2023), Mesyuarat Senat Kali Ke-115 (Bil. 06/2023) dan Resolusi Senat bertarikh 04 September 2023 secara edaran serta disahkan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-116 (Bil. 07/2023) yang bersidang pada 27 September 2023 seperti berikut:

Peraturan Yang Terlibat dalam pindaan	Butiran Pindaan Yang Dibuat
Peraturan 6.3	<p>Pindaan pada tajuk Peraturan 6.3 Keperluan Menyempurnakan Hafazan (Hifz Al-Quran)</p> <p><u>Peraturan 6. 3 sebelum pindaan:</u> 6.3 Keperluan Menyempurnakan Hafazan (Hifz Al-Quran)</p> <p>Pelajar perlu menyempurnakan hafazan mengikut sukatan yang ditetapkan untuk membolehkan pelajar menduduki peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan. Kelayakan menduduki peperiksaan akhir tertakluk kepada Peraturan 6.2.3.</p> <p><u>Peraturan 6.6.3 selepas pindaan:</u> 6.3 Keperluan Menyempurnakan Hafazan (Hifz Al-Quran) untuk program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Qiraat (DTQ) dan Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Pengajian Qiraat Dengan Kepujian (ISMTQ)</p> <p>Pelajar perlu menyempurnakan hafazan mengikut sukatan yang ditetapkan untuk membolehkan pelajar menduduki peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan. Kelayakan menduduki peperiksaan akhir tertakluk kepada Peraturan 6.2.3.</p>

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023

Peraturan
6.6.1

Pindaan klasifikasi **Matagred** yang diberikan dan status **Kredit Dikira** bagi pelajar yang mendapat Markah 40-44.

Pindaan yang dibuat adalah pada klasifikasi Mata Gred dan Kredit Dikira

Klasifikasi Matagred dan status Kredit Dikira sebelum pindaan:

Markah <i>Marks</i>	Gred <i>Grade</i>	Mata Gred <i>Grade Pointer</i>	Kredit Diambil <i>Credit Taken</i>	Kredit Dikira <i>Credit Calculated</i>
90 – 100	A+	4.00 (Cemerlang / <i>Outstanding</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
80 – 89	A	4.00 (Cemerlang / <i>Outstanding</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
75 – 79	A-	3.67 (Cemerlang / <i>Outstanding</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
70 – 74	B+	3.33 (Kepujian / <i>Credit</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
65 – 69	B	3.00 (Kepujian / <i>Credit</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
60 – 64	B-	2.67 (Baik / <i>Good</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
55 – 59	C+	2.33 (Baik / <i>Good</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
50 – 54	C	2.00 (Baik / <i>Good</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
45 – 49	C-	1.67 (Lulus Bersyarat / <i>Conditional Pass</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
40 – 44	D	1.33 (Gagal / <i>Fail</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
35 – 39	E	1.00 (Gagal / <i>Fail</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
0 – 34	F	0.00 (Gagal / <i>Fail</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
-	GHA	0.00 (Gagal Hadir Peperiksaan Akhir / <i>Fail to Attend Final Examination</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
-	GHB	0.00 (Gagal Hadir Penilaian Berterusan / <i>Fail to Attend Ongoing Assessment</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
-	XK	0.00 (Dihalang / <i>Barred</i>)	Ya / Yes	Tidak / No

Klasifikasi Matagred dan status Kredit Dikira selepas pindaan:

Markah <i>Marks</i>	Gred <i>Grade</i>	Mata Gred <i>Grade Pointer</i>	Kredit Diambil <i>Credit Taken</i>	Kredit Dikira <i>Credit Calculated</i>
90 – 100	A+	4.00 (Cemerlang / <i>Excellent</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
80 – 89	A	4.00 (Cemerlang / <i>Excellent</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
75 – 79	A-	3.67 (Cemerlang / <i>Excellent</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
70 – 74	B+	3.33 (Kepujian / <i>Very Good</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
65 – 69	B	3.00 (Kepujian / <i>Very Good</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023

Markah <i>Marks</i>	Gred <i>Grade</i>	Mata Gred <i>Grade Pointer</i>	Kredit Diambil <i>Credit Taken</i>	Kredit Dikira <i>Credit Calculated</i>
60 – 64	B-	2.67 (Baik / <i>Good</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
55 – 59	C+	2.33 (Baik / <i>Good</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
50 – 54	C	2.00 (Lulus / <i>Pass</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
45 – 49	C-	1.67 (Lulus Bersyarat / <i>Conditional Pass</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
40 – 44	D	1.33 (Lulus Bersyarat / <i>Conditional Pass</i>)	Ya / Yes	Ya / Yes
35 – 39	E	1.00 (Gagal / <i>Fail</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
0 – 34	F	0.00 (Gagal / <i>Fail</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
-	GHA	0.00 (Gagal Hadir Peperiksaan Akhir / <i>Fail to Attend Final Examination</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
-	GPB	0.00 (Gagal Hadir Penilaian Berterusan / <i>Fail to Attend Ongoing Assessment</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
-	XK	0.00 (Dihalang / <i>Barred</i>)	Ya / Yes	Tidak / No
Peraturan 6.6.3	<p>Pindaan dengan membenarkan pelajar yang mendapat Gred "D" diberi pilihan di bawah Peraturan 6.6.3.</p> <p><u>Peraturan 6.6.3 sebelum pindaan:</u></p> <p>6.6.3 Pelajar yang mendapat gred C- untuk sesuatu kursus pada mana-mana semester diberi pilihan sama ada: <i>A student who obtains C- for a course during any semester will be given options whereby:</i></p> <p>(a) Mengulangi kursus berkenaan untuk memperbaiki PMK tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian bagi program berkaitan dan had maksimum jam kredit yang dibenarkan. <i>To repeat the course to improve the CGPA according to the maximum duration of study for a related program and the maximum credit hour allowed.</i></p> <p>(b) Mengekalkan gred itu dengan syarat PMK pelajar hendaklah ≥ 2.00. <i>To retain with the grade as long as the CGPA of the student is ≥ 2.00.</i></p> <p><u>Peraturan 6.6.3 selepas pindaan:</u></p> <p>6.6.3 Pelajar yang mendapat gred C- dan D untuk sesuatu kursus pada mana-mana semester diberi pilihan sama ada: <i>A student who obtains C- and D for a course during any semester will be given options whereby:</i></p> <p>(a) Mengulangi kursus berkenaan untuk memperbaiki PMK tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian bagi</p>			

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023

	<p>program berkaitan dan had maksimum jam kredit yang dibenarkan. <i>To repeat the course to improve the CGPA according to the maximum duration of study for a related program and the maximum credit hour allowed.</i></p> <p>(b) Mengekalkan gred itu dengan syarat PMK pelajar hendaklah ≥ 2.00. <i>To retain with the grade as long as the CGPA of the student is ≥ 2.00.</i></p>
<p>Peraturan 6.6.4</p>	<p>Pindaan singkatan GHB kepada GPB dan pindaan ayat berkaitan gred GPB pada Peraturan 6.6.4.</p> <p><u>Peraturan 6.6.4 sebelum pindaan:</u> Gred GHA diberikan kepada pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir dan Gred GHB diberikan kepada pelajar yang tidak memenuhi syarat penilaian berterusan. Gred GHA dan GHB tidak boleh ditebus dengan peperiksaan khas. <i>GHA is rewarded to a student who did not attend the final examination and GHB to a student who did not meet the requirement of the ongoing assessment. GHA and GHB grades are not redeemable through special examination.</i></p> <p><u>Peraturan 6.6.4 selepas pindaan:</u> Gred GHA diberikan kepada pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir dan Gred GPB diberikan kepada pelajar yang tidak melaksanakan sebarang komponen (<i>any of</i>) penilaian berterusan. Gred GHA dan GPB tidak boleh ditebus dengan peperiksaan khas. <i>GHA is rewarded to a student who did not attend the final examination and GHB to a student who did not doing any of the ongoing assessment. GHA and GPB grades are not redeemable through special examination.</i></p>
<p>Peraturan 6.6.5 (b) dan Peraturan 6.6.5 (c)</p>	<p>Pindaan yang dibuat ialah menggugurkan peruntukan Peraturan 6.6.5 (b) dan pindaan ayat pada Peraturan 6.6.5 (c).</p> <p><u>Peraturan 6.6.5 (b) dan Peraturan 6.6.5 (c) sebelum pindaan:</u> 6.6.5 Gred XK akan diberikan kepada pelajar yang dihalang dari menduduki peperiksaan akhir yang tidak memenuhi keperluan kursus seperti: <i>XK grade is rewarded to a student who is barred from taking the final examination due to misrequirement of a course such as:</i></p> <p>(a) Kehadiran ke kuliah / tutorial / latihan kurang dari 80%; atau</p>

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023

	<p><i>Attendance to class / tutorial / workshop is lesser than 80%; or</i></p> <p>(b) Tidak menyempurnakan keperluan komponen kerja kursus; atau <i>Incompletion of coursework component requirement; or</i></p> <p>(c) Tidak menyempurnakan hafazan bagi kursus tertentu. <i>Incompletion of memorising component in a certain course.</i></p> <p>Gred XK juga akan diberikan kepada pelajar yang kehadiran ke kuliah / tutorial / latihan kurang dari 80% bagi kursus-kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir. <i>XK Grade is also rewarded to a student who failed to achieve 80% attendance to class / tutorial / workshop for a course without final examination.</i></p> <p><u>Peraturan 6.6.5 (b) dan Peraturan 6.6.5 (c) selepas pindaan:</u></p> <p>6.6.5 Gred XK akan diberikan kepada pelajar yang dihalang dari menduduki peperiksaan akhir yang tidak memenuhi keperluan kursus seperti: <i>XK grade is rewarded to a student who is barred from taking the final examination due to misrequirement of a course such as:</i></p> <p>(a) Kehadiran ke kuliah / tutorial / latihan kurang dari 80%. <i>Attendance to class / tutorial / workshop is lesser than 80%.</i></p> <p>(b) <i>Digugurkan Deleted</i></p> <p>(c) Tidak menyempurnakan hafazan bagi kursus tertentu iaitu program DTQ dan ISMTQ. <i>Incompletion of memorising component in a certain course which is DTQ dan ISMTQ programme.</i></p> <p>Gred XK juga akan diberikan kepada pelajar yang kehadiran ke kuliah / tutorial / latihan kurang dari 80% bagi kursus-kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir. <i>XK Grade is also rewarded to a student who failed to achieve 80% attendance to class / tutorial / workshop for a course without final examination.</i></p>
--	---

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023

Peraturan 6.9.2, perenggan f.	<p>Pindaan yang dibuat ialah menggugurkan peruntukan perenggan "f." pada Peraturan 6.9.2.</p> <p><u>Peraturan 6.9.2 sebelum pindaan:</u></p> <p>6.9.2 Gagal Berhenti (GB) <i>Failed and Terminated (GB)</i></p> <p>Seorang pelajar adalah gagal dan diberhentikan jika: <i>A student is considered failed and terminated if:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> a. Mendapat PMK 1.50 – 1.99 tiga kali berturut-turut; atau <i>Obtained CGPA 1.50 – 1.99 three times in a row; or</i> b. Mendapat PMK kurang daripada 1.50; atau <i>Obtained CGPA less than 1.50; or</i> c. Mendapat PMK pada DP2 lebih rendah dari PMK pada DP1; atau <i>Obtained CGPA at DP2 lower than CGPA on DP1; or</i> d. Gagal memperolehi PMK 2.00 selepas memenuhi semua keperluan akademik; atau <i>Fail to obtain CGPA 2.00 after meeting all academic requirements; or</i> e. Mendapat status Gagal bagi sesuatu kursus sebanyak tiga (3) kali; atau <i>Obtained the Fail status for a course three (3) times; or</i> f. Mendapat Gred XK, GHB dan/atau GHA bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester semasa; atau <i>Rewarded XK, GHB and / or GHA Grades for all courses registered in the current semester; or</i> g. Mendapat status CP sekurang-kurangnya tiga (3) kursus yang didaftarkan sepanjang tempoh pengajian. <i>Obtained a CP status for at least three (3) courses registered during the course of study.</i> <p>Ringkasan status adalah seperti di bawah: <i>The summary of the status is as below:</i></p>																							
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 0 auto;"> <thead> <tr> <th rowspan="2" style="width: 15%;">PMK CGPA</th> <th colspan="3">STATUS</th> </tr> <tr> <th style="width: 20%;">Kali pertama <i>First time</i></th> <th style="width: 20%;">Kali kedua berturut-turut <i>Second times in a row</i></th> <th style="width: 20%;">Kali ketiga berturut-turut <i>Third times in a row</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">2.00 dan Ke Atas <i>2.00 and above</i></td> <td style="text-align: center;">Lulus <i>Pass</i></td> <td style="text-align: center;">Lulus <i>Pass</i></td> <td style="text-align: center;">Lulus <i>Pass</i></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td style="text-align: center;">Dalam Pemerhatian (DP2) In Observation (DP2) PMK : DP2 > DP1</td> <td style="text-align: center;">Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td style="text-align: center;">Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i> PMK : DP2 < DP1</td> <td style="text-align: center;">-</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">1.49 dan ke bawah <i>1.49 and below</i></td> <td style="text-align: center;">Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i></td> <td style="text-align: center;">-</td> <td style="text-align: center;">-</td> </tr> </tbody> </table>	PMK CGPA	STATUS			Kali pertama <i>First time</i>	Kali kedua berturut-turut <i>Second times in a row</i>	Kali ketiga berturut-turut <i>Third times in a row</i>	2.00 dan Ke Atas <i>2.00 and above</i>	Lulus <i>Pass</i>	Lulus <i>Pass</i>	Lulus <i>Pass</i>			Dalam Pemerhatian (DP2) In Observation (DP2) PMK : DP2 > DP1	Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i>			Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i> PMK : DP2 < DP1	-	1.49 dan ke bawah <i>1.49 and below</i>	Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i>	-	-
PMK CGPA	STATUS																							
	Kali pertama <i>First time</i>	Kali kedua berturut-turut <i>Second times in a row</i>	Kali ketiga berturut-turut <i>Third times in a row</i>																					
2.00 dan Ke Atas <i>2.00 and above</i>	Lulus <i>Pass</i>	Lulus <i>Pass</i>	Lulus <i>Pass</i>																					
		Dalam Pemerhatian (DP2) In Observation (DP2) PMK : DP2 > DP1	Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i>																					
		Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i> PMK : DP2 < DP1	-																					
1.49 dan ke bawah <i>1.49 and below</i>	Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i>	-	-																					

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023

Peraturan 6.9.2 selepas pindaan:

6.9.2 Gagal Berhenti (GB)

Failed and Terminated (GB)

Seorang pelajar adalah gagal dan diberhentikan jika:

A student is considered failed and terminated if:

- a. Mendapat PMK 1.50 – 1.99 tiga kali berturut-turut; atau
Obtained CGPA 1.50 – 1.99 three times in a row; or
- b. Mendapat PMK kurang daripada 1.50; atau
Obtained CGPA less than 1.50; or
- c. Mendapat PMK pada DP2 lebih rendah dari PMK pada DP1; atau
Obtained CGPA at DP2 lower than CGPA on DP1; or
- d. Gagal memperolehi PMK 2.00 selepas memenuhi semua keperluan akademik; atau
Fail to obtain CGPA 2.00 after meeting all academic requirements; or
- e. Mendapat status Gagal bagi sesuatu kursus sebanyak tiga (3) kali; atau
Obtained the Fail status for a course three (3) times; or
- f. *Digugurkan Deleted***
- g. Mendapat status CP sekurang-kurangnya tiga (3) kursus yang didaftarkan sepanjang tempoh pengajian.
Obtained a CP status for at least three (3) courses registered during the course of study.

Ringkasan status adalah seperti di bawah:

The summary of the status is as below:

PMK CGPA	STATUS		
	Kali pertama <i>First time</i>	Kali kedua berturut-turut <i>Second times in a row</i>	Kali ketiga berturut-turut <i>Third times in a row</i>
2.00 dan Ke Atas <i>2.00 and above</i>	Lulus <i>Pass</i>	Lulus <i>Pass</i>	Lulus <i>Pass</i>
		Dalam Pemerhatian (DP2) In Observation (DP2) PMK : DP2 > DP1	Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i>
		Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i> PMK : DP2 < DP1	-
1.49 dan ke bawah <i>1.49 and below</i>	Gagal Berhenti <i>Failed and Terminated</i>	-	-

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2023

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pindaan Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 pada Peraturan 6.6.1, Peraturan 6.6.3, Peraturan 6.6.5 dan Peraturan 6.9.2 yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Penilaian Prestasi Pelajar ini adalah berkuat kuasa mulai **Sesi 2022/2023 Semester Dua** yang bermula 19 Februari 2023 kepada semua pelajar baharu dan semasa.
- 4.2 Pindaan ini hendaklah terus berkuatkuasa pada tarikh ia berkuat kuasa walaupun perubahan atau cetakan terkini pada Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 belum dilaksanakan.
- 4.3 Walau bagaimanapun, pindaan ini tidak terpakai kepada keputusan semester terdahulu sebelum 19 Februari 2023.
- 4.4 Semua Kulliyah/ Pusat Pengajian hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk kepada Pekeliling Akademik Bil. 01/2023 ini.

5. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, mana-mana pekeling atau peraturan terdahulu setakat mana yang bercanggah dengan Pekeliling Akademik Bil. 01/2023 ini adalah terbatal.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

"MELESTARIKAN ILMU MELALUI KEBIJAKSANAAN"

"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD NURULHISHYAM BIN MUSTAPA)
Pengaraf
Pusat Pengurusan Akademik.